



### NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor beralamat di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan yang mana tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa sepanjang tempoh pelaksanaan kerja seperti berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IIM/SH/14/2024	KERJA-KERJA MEMBUKA, MEMBEKAL, MEMASANG <i>PRE-INSULATED DUCTING SUPPLY</i> DAN <i>RETURN</i> ANGIN SERTA <i>DIFFUSER</i> SEDIA ADA TERMASUK LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI AUDITORIUM ARAS 2 INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA	GRED : G2 KATEGORI : ME PENGGHUSUSAN : M01

#### TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

TARIKH: 12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

MASA: 9.00 PAGI

TEMPAT: DEWAN MURNI, IIM

PENGESAHAN KEHADIRAN:

<https://forms.gle/7hX1EaX7KhfhwSK88>

**HANYA PEMBEKAL YANG MENGESAHKAN KEHADIRAN DAN MENGHADIRI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIBENARKAN MENYERTAI SEBUT HARGA INI.**

1. Kontraktor **DIKEHENDAKI** hadir 30 minit lebih awal sebelum sesi taklimat berlangsung bagi tujuan pendaftaran. Kontraktor **TIDAK DIBENARKAN** turut serta pada sesi taklimat dan lawatan tapak selepas waktu yang ditetapkan.
2. **PENAMA** syarikat dikehendaki membawa **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) semasa menghadiri taklimat. **WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN DAN HANYA PENAMA** syarikat di dalam sijil dibenarkan untuk menyertai taklimat dan lawatan tapak.

Bil. Sebut Harga: IIM/SH/14/2024

3. Dokumen sebut harga disediakan secara **PERCUMA** dan diserahkan melalui e-mel rasmi syarikat yang didaftarkan semasa sesi taklimat dan lawatan tapak pada pada **12 Disember 2024 (Khamis)**.
4. Dokumen Sebut Harga yang lengkap diisi **WAJIB** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat berikut:

**Institut Integriti Malaysia  
Menara Integriti  
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 KUALA LUMPUR.  
(u.p: Bahagian Pentadbiran)**

5. Borang hendaklah sampai **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada 19 Disember 2024 (Khamis)**. Tawaran yang lewat dari masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**. Institut Integriti Malaysia tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan/kehilangan penghantaran Dokumen Sebut Harga melalui pos berdaftar/kurier.
6. Institut Integriti Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana Cadangan Tawaran. IIM berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran yang mana diputuskan munasabah.
7. Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga sila e-mel kepada [perolehan@iim.gov.my](mailto:perolehan@iim.gov.my) atau hubungi **Encik Shazlan: 012-385 5714** atau **Encik Fatah: 018-388 4642**.

Sekian, terima kasih

**"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"KOMITED MEMBUDAYAKAN INTEGRITI"  
"INTEGRITI. KERJA BERPASUKAN. PROFESIONAL"**

Saya yang menjalankan amanah,



**HARISHAM BIN IBRAHIM**  
Pengarah Bahagian Pentadbiran  
Institut Integriti Malaysia



Tarikh : 10 Disember 2024